



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JP/63/2023**

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG ENAM (6) UNIT KIOS PENJAJA
BERBENTUK *FOOD TRAILER* LENGKAP DENGAN KEMUDAHAN MEMASAK BAGI PUSAT
PENJAJA DI LAMAN DUTA, PRESINT 15, WILAYAH PERSEKUTUAN (WP) PUTRAJAYA.**

1. Sebut harga adalah dipelawa dalam kalangan **Kontraktor/Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (KKM/MOF)** beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** sahaja di bawah kod bidang **110106 Kenderaan Kegunaan Khusus** atau **020401 Peralatan Dan Perkakas Domestik (Termasuk Barang-Barang Yang Tidak Lekat Di Badan)**.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan pada **27 November 2023 (Isnin), jam 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Bakawali (B5), Blok B, Aras 5, Kompleks PPj**. Kehadiran individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan **Perolehan Kerajaan** sepertimana dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **27 November 2023 (Isnin)** hingga **01 Disember 2023 (Jumaat)** oleh wakil **Kontraktor/Syarikat** yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. **Kontraktor/Syarikat** dikehendaki membawa **satu (1) salinan Sijil Akuan Pendaftaran KKM, MOF**. Wakil **Kontraktor/Syarikat** adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani oleh individu yang diberi kuasa oleh syarikat bagi urusan **Perolehan Kerajaan** untuk membeli dokumen **Sebut Harga**.
5. Semua **Borang Sebut harga** yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **04 Disember 2023 (Isnin)**.
6. **Kontraktor/Syarikat** yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi **S.O.P** yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **Seksyen Pengurusan Perolehan** di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. **Kenyataan notis** ini boleh didapati dalam portal rasmi **Perbadanan Putrajaya** di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal **MyPROCUREMENT** <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(NIK SHUKRI BIN NIK SOH)

Naib Presiden
Jabatan Perkhidmatan Bandar
Perbadanan Putrajaya